



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 JLD 3(12)
Tarikh : 21 Februari 2025
Bersamaan : 22 Sya'ban 1446H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 12/2025(O) : PEMBUKAAN SEKATAN *OVERBAJET* BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2025

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2025 (76) bertarikh 19 Februari 2025.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sekatan *overbajet* bagi OS17000 bayaran Bantuan Khas Kewangan 2025 di Sistem iGFMAS akan dibuka mulai **21 Februari 2025 (Jumaat) sehingga 05 Mac 2025 (Rabu)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BKK yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM) pada tarikh yang ditetapkan. Pembayaran *overbajet* bagi **OS17000** untuk BKK ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2025.

3. Justeru, bagi PTJ yang terlibat dengan pembayaran tersebut, dipohon supaya mematuhi keseragaman perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini iaitu: **Bantuan Khas Kewangan (BKK) 2025**. Manakala kod akaun yang perlu digunakan adalah seperti berikut:

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117102	Bantuan Khas Kewangan Kakitangan Awam
B0117202	Bantuan Khas Kewangan Pasukan Keselamatan
B0229306	Bayaran Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

4. Sehubungan itu, PTJ diingatkan agar pembayaran BKK ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui Sistem di HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BKK tidak dibuat pembayaran dua (2) kali kepada pegawai yang layak.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"

"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MAZLINA BINTI ISHAK)

Seksyen Operasi

b.p: Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka